

# LAPORAN TAHUNAN



20  
23


1 JANUARI 2023 -  
31 DISEMBER 2023

WWW.LAM.GOV

# **Table of Content**

# **ISI KANDUNGAN**

- 2**      **Perutusan Yang Dipertua**  
*President's Message*
- 4**      **Maklumat Lembaga Pengarah**  
*Board of Directors Information*
- 7**      **Maklumat Pengurusan**  
*Management Information*
- 13**     **Laporan Tadbir Urus Korporat**  
*Corporate Governance Report*
- 17**     **Laporan Penerimaan Dan Penggunaan  
Sumber Dana Kerajaan Persekutuan**  
*Report on Receipt and Use of Federal Government Funds*
- 17**     **Analisis Prestasi Kewangan**  
*Performance Financial Analysis*
- 20**     **Laporan Pencapaian Prestasi Program/  
Aktiviti/ Projek**  
*Program/ Activity/ Project Performance Achievement  
Report*
- 26**     **Penyata Kewangan (Telah Diaudit)**  
*Financial Statement (Audited)*
- 60**     **Maklumat Lain Yang Berkaitan**  
*Other Related Information*





# PERUTUSAN YANG DIPERTUA

## PRESIDENT'S MESSAGE

### BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Syukur alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, saya berbesar hati membentangkan Laporan Tahunan Lembaga Pemantauan Audit bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. Sebagai sebahagian daripada mandat untuk membantu Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) meningkatkan keyakinan terhadap kualiti dan kebolehpercayaan Penyata Kewangan yang telah diaudit. Sebagai agensi di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR), LAM akan terus mengukuhkan jangkauan kawal selia dengan menggunakan format *Malaysia Public Sector Accounting Standard* (MPSAS) bagi tahun keempat dalam usaha mencapai kriteria pematuhan *Standard Accounting System for Government Agencies* (SAGA). Ia selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia, Bilangan 3 Tahun 2018 - Pelaksanaan, Pemantauan dan Pematuhan Sistem Perakaunan Standard bagi Agensi Kerajaan (SAGA).

### PERKEMBANGAN DAN PENCAPAIAN KESELURUHAN

Sehingga Disember 2023, LAM telah mendaftar seramai 6,796 orang ahli yang terdiri daripada Arkitek, Arkitek Graduan, Perekbentuk Dalaman, Perekabentuk Dalaman Graduan, Pelukis Pelan Bangunan, Teknologis Senibina dan Pemeriksa Tapak. Sementara itu, sejumlah 1,981 firma perunding kesenibinaan dan rekabentuk dalaman telah didaftarkan.

Peperiksaan Bahagian I & II dan Peperiksaan Profesional Bahagian III telah diadakan seperti biasa. Begitu juga dengan aktiviti Lawatan Akreditasi. sebanyak 48 program senibina telah diiktiraf oleh LAM selain 11 program rekabentuk dalaman. LAM juga mengiktiraf program senibina dari luar negara.

## PROGRAM DAN AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN

Pada tahun 2023, bersempena dengan penubuhan LAM selama lima (5) dekad, beberapa aktiviti telah dirancang. Antaranya adalah Majlis Anugerah LAM 2023, Pertandingan IDEA Rekabentuk Senibina Identiti Malaysia, Pameran, Sesi Dialog, Majlis Pentauliahkan Arkitek, Taklimat Pendaftaran Ahli-Ahli Baharu serta *CPD Talk* berkenaan Pekeliling-Pekeliling Am LAM yang terkini.

Di samping itu, LAM juga turut terlibat dalam beberapa aktiviti lain antaranya sebagai pempamer di ARCHIDEX 2023 serta RIX Exhibition 2023 untuk mempromosi serta bagi meningkatkan bilangan profesion yang didaftarkan di bawah Akta 117.

## PRESTASI DAN KEDUDUKAN KEWANGAN TAHUN 2023

Antara sumber utama pendapatan LAM adalah daripada bayaran pembaharuan pendaftaran semua ahli dan firma yang berdaftar. Pendapatan LAM bagi tempoh berakhir 31 Disember 2023 adalah sebanyak RM5,072,431 berbanding RM3,122,852 tahun sebelumnya.

Aktiviti lain juga seperti penganjuran peperiksaan serta akreditasi dan validasi program yang turut menyumbang kepada pendapatan LAM bagi tujuan pengoperasian juga bertambah berbanding tahun 2022. Ini termasuk peperiksaan yang diadakan secara bersemuka dan lawatan bagi tujuan pengiktirafan program senibina serta rekabentuk dalaman.

## STRATEGI KORPORAT MASA HADAPAN

LAM sebagai badan berkanun persekutuan yang diwujudkan di bawah

Akta 117 telah merancang beberapa strategi dalam memastikan kepentingan dan keselamatan pihak awam terjaga di samping mengawalselia semua profesion yang berdaftar dengan LAM.

Selain meningkatkan promosi profesion kesenibinaan dan rekabentuk dalaman dalam industri pembinaan kepada pihak awam, pindaan terhadap perundangan semasa turut dimaklumkan kepada ahli-ahli berdaftar bagi memastikan semua prosedur dan peraturan terkini dipatuhi. Sesi libat urus dengan pihak berkepentingan termasuk agensi-agensi Kerajaan yang lain juga akan diadakan di masa akan datang.

## PENGHARGAAN

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan serta terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas kerjasama serta komitmen yang diberikan khususnya kepada semua Ahli Lembaga, Pendaftar dan juga Sekretariat LAM.

Ribuan terima kasih juga saya ucapkan atas kerjasama yang diberikan oleh pihak KKR khususnya Bahagian Dasar dan Antarabangsa (BDA) juga Bahagian Kewangan. Begitu juga dengan pihak Jabatan Akauntan Negara (JAN) dan Firma Audit Swasta (FAS) dilantik yang telah membantu serta memudahcara proses serta prosedur sehingga Laporan Tahunan Kewangan LAM bagi Tahun 2023 ini disediakan.

**Dato' Ar. IDr Azman bin Md. Hashim**

Yang Dipertua

Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA



# MAKLUMAT LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS  
INFORMATION



20  
23

# AHLI LEMBAGA PENGARAH

## BOARD MEMBERS

2023  
2025



Dato' Ar. Azman Md Hashim  
(Presiden)



Ar. Abd Shukor Ismail



Ar. Wan Mohammad  
Norshah Abdul Satar



Ar. Sharina Intan  
Abdullah



Prof. Madya (I) Ar.  
Zuraina Laily Awalludin



Ar. Zuhairi Manaf



Dr. Ar. Tan Loke Mun



Datuk Ar. Tan Pei Ing



Tan Sri Dato' Sri Ar.  
Esa Mohamed



Ar. Tay Wai Fun, Lillian



Ar. Sarly Adre Sarkum



Ar. Wan Sofiah  
Wan Ishak



Ar. Jafri Merican  
Din Merican



Ar. Adrianta Aziz



Ar. Koh Yew Peng,  
Dexter



Ar. Kwan Chee Hung  
(Sabah)  
(2023 - 2024)



Ar. Ivy Jong  
(Sarawak)  
(2024 - 2025)



Sr. Kamarudin Hj.  
Sulaiman  
(Wakil Lembaga Juruukur  
Bahan Malaysia)



Ir. Sundraraj A/L  
A. Krishnasamy  
(Wakil Lembaga Jurutera  
Malaysia)



En. Nokman Mustaffa  
(Wakil Pelukis Pelan  
Bangunan)



Ar. Yap Seng Chye, Chris  
(Wakil Perekabentuk  
Dalaman)



Hamdan  
Samah@Othman  
(Wakil Pemeriksa Tapak)



Ar. Hani Yuliati Mohd Lasa  
(Pendaftar)

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA



# MAKLUMAT PENGURUSAN

MANAGEMENT  
INFORMATION



20  
23



# Maklumat Pengurusan

## Latar Belakang dan Undang-undang Penubuhan Badan Berkanun Persekutuan (BBP)

Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) ditubuhkan di bawah Akta Parlimen; Akta Arkitek 1967 [Akta 117]. Suatu Akta yang diwujudkan untuk mengawalselia profesion yang didaftarkan untuk melindungi keselamatan dan kepentingan pihak awam

Bertindak untuk memperuntukkan pendaftaran Arkitek, Arkitek Graduan, Perekabentuk Dalaman, Perekabentuk Dalaman Graduan, Pelukis Pelan Banguan, Pengamal Perundingan Senibina (ketuanpunyaan tunggal, perkongsian dan pertubuhan perbadanan) yang memberikan perkhidmatan perundingan kesenibinaan serta rekabentuk dalaman, Teknologis Senibina dan Pemeriksa Tapak

### VISION

***Inspiring architectural excellence, professional eminence and leadership to enhance the quality of life***

### MISSION

***The regulatory body that upholds high standards of professionalism and promotes innovation amongst architectural professionals in leading the building industry responsibly for the betterment of the built environment.***



## Objektif Penubuhan dan Fungsi Utama

Berdasarkan Seksyen 4, Akta Arkitek 1967

*Functions of the Board*

4. (1) *The functions of the Board shall be*

*(a) to keep and maintain a Register of Architects, Graduate Architects, foreign architects and architectural consultancy practices, a Register of Building Draughtsmen, a Register of Interior Designers containing particulars of Interior Designers, Graduate Interior Designers and interior design consultancy practices, a Register of Inspectors of Works and a Register of Architectural Technologists;*

*(aa) deleted;*

*(b) to approve or reject applications for registration under this Act or to approve any such application subject to such conditions or restrictions as it may deem fit to impose;*

*(c) to order the issuance of written reprimand, the imposition of a fine, suspension or cancellation of registration, removal from or reinstatement into the Registers specified in paragraph (a) in accordance with this Act;*

*(d) to fix from time to time with the approval of the Minister the scale of fees to be charged by Architects, architectural consultancy practices Interior Designers, interior design consultancy practices and Building Draughtsmen;*

*(e) to hear and determine disputes relating to professional conduct or ethics of Architects, Graduate Architects, Interior Designers, Building Draughtsmen, foreign architects, Graduate Interior Designers, Inspectors of Works and Architectural Technologists and to appoint a committee, arbitrator or arbitrators to hear and determine such disputes;*

*(ea) to act as a stakeholder in a contract for architectural and interior design consultancy services, when requested;*

*(eb) to authorize any person to investigate the commission of any offence under this Act or any rules made under this Act;*

*(ec) to employ any person, as it deems necessary, to assist the Board in carrying out its functions, powers and duties subject to such terms and conditions as it may determine;*

*(f) to determine and regulate the conduct and ethics of Architects, Graduate Architects, Interior Designers, Building Draughtsmen, foreign architects, Graduate Interior Designers, Inspectors of Works, Architectural Technologists, architectural consultancy practices and interior design consultancy practices;*

*(g) to represent the profession in any matter in which it may be necessary or expedient and to examine and if thought fit to report upon current legislation and any other local matters submitted to it or to make recommendations to Government or any Public or Building Authority or any institute, body or society for the time being representing the profession;*

*(ga) to appoint a council, consisting of such members of the Board, Architects and other persons as may be determined by the Board, to conduct examinations for admission to the profession and other examinations as deemed necessary by the Board;*

*(gb) to appoint a council, consisting of such members of the Board, Architects and other persons as may be determined by the Board, to advise and regulate all matters relating to architectural and interior design education including the certification and recognition of such programmes;*

*(h) to appoint persons to represent it on any body or panel of examiners which may be appointed by any institute, body or society for the time being representing the profession and to make recommendations in relation to any examinations for qualification for admission to the profession;*

*(i) to appoint members of the Board to sit on any boards, committees or bodies formed for any purpose affecting the profession and to appoint members of the Board to sit on the Board of Engineers and the Board of Quantity Surveyors in accordance with the relevant laws;*


*(j) to provide scholarships and other facilities for the promotion of learning and education in connection with architecture, and to hold or cause to be held professional development programmes for Architects, Graduate Architects, Interior Designers, Building Draughtsmen, foreign architects, Graduate Interior Designers, Inspectors of Works and Architectural Technologists to further enhance their knowledge in the latest developments relating to that profession;*

*(ja) to conduct activities for the promotion of the profession of Architects, Graduate Architects, Building Draughtsmen, Interior Designers, Graduate Interior Designers, Inspectors of Works and Architectural Technologists; and*

*(k) generally, to do all such acts, matters and things as are necessary to carry out the provisions of this Act.*

# CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA

## COMMITTEE'S ORGANIZATION CHART



# KOMPOSISI JAWATANKUASA & MAJLIS

## COMPOSITION OF COMMITTEES & COUNCIL

<p><b>JAWATANKUASA HAL EHWAL ANTARABANGSA</b> <i>International Affairs Committee</i></p> <p><b>Tan Sri Dato' Sri Ar. Esa Mohamed *</b> Ar. Tay Wai Fun, Lillian # Datuk Ar. Tan Pei Ing Ar. Zuraina Leily Awalludin Ar. Abd. Shukor Ismail Ar. Adrianta Aziz Ar. Mustapha Mohd Salleh ^</p>	<p><b>JAWATANKUASA PENDAFTARAN &amp; CPD</b> <i>Registration &amp; CPD Committee</i></p> <p><b>Ar. Sharina Intan Abdullah*</b> Ar. Jafri Merican Din Merican # Ar. Zuraina Leily Awalludin Ar. Yap Seng Chye, Chris Ar. Abd. Shukor Ismail En. Nokman Mustaffa En. Hamdan Samah@Othman</p>	<p><b>JAWATANKUASA IDENTITI REKABENTUK SENIBINA (IRAS)</b> <i>Architecture of National Identity Committee</i></p> <p><b>Ar. Adrianta Aziz*</b> Prof. Syed Ahmad Iskandar Syed Ariffin ^ # Ar. Mustapha Mohd Salleh ^ Ar. Meor Mohammad Fared Meor Razali ^ Dato' Ar. Zulkhairi Md Zain ^ Dr. Ar. Mastor Surat ^ Dr. Jamilia Miran ^</p>									
<p><b>JAWATANKUASA PRAKTIK</b> <i>Practice Committee</i></p> <p><b>Datuk Ar. Tan Pei Ing*</b> Tan Sri Dato' Sri Ar. Esa Mohamed # Ar. Dr. Tan Loke Mun Ar. Sharina Intan Abdullah Ar. Wan Mohammad Norshah Abdul Satar Ar. Yap Seng Chye, Chris Ar. Sarly Adre Sarkum Ar. Dexter Koh Yew Peng Ar. Zuhairi Manaf En. Nokman Mustaffa En. Hamdan Samah @ Othman Ir. Sundraraj a/I Krishnasamy Sr. Kamarudin Hj. Sulaiman Ar. Arnold Kwan Chee Hung (wakil PAM Sabah) Ar. Ivy Jong (wakil PAM Sarawak) Pn. Rohaya Ghazali (wakil RBDAM)</p>	<p><b>JAWATANKUASA PENGAWASAN &amp; PENGUATKUASAAN</b> <i>Surveillance &amp; Enforcement Committee</i></p> <p><b>Ar. Yap Seng Chye, Chris*</b> Ar. Sarly Adre Sarkum # Ar. Zuhairi Manaf Ar. Norzaini Mufti ^ Ar. Almaz Salma Abdul Rahim ^ Ar. Ahmad Ridha Abd Razak ^ Ar. Thulasaidas a/I Sivasubramaniam ^ Ar. Ezanudin Lood Mustafa ^</p>	<p><b>JAWATANKUASA PENGURUSAN &amp; TEKNIKAL</b> <i>Management &amp; Technical Committee</i></p> <p><b>Ar. Abd. Shukor Ismail*</b> Ar. Wan Mohammad Norshah Abdul Satar # Ar. Wan Sofiah Wan Ishak Ar. Zuhairi Manaf Ar. Jafri Merican Din Merican Ar. Dexter Koh Yew Peng</p>									
<p><b>JAWATANKUASA PENGAWASAN &amp; PENGUATKUASAAN</b> <i>Surveillance &amp; Enforcement Committee</i></p> <p><b>Ar. Yap Seng Chye, Chris*</b> Ar. Sarly Adre Sarkum # Ar. Zuhairi Manaf Ar. Norzaini Mufti ^ Ar. Almaz Salma Abdul Rahim ^ Ar. Ahmad Ridha Abd Razak ^ Ar. Thulasaidas a/I Sivasubramaniam ^ Ar. Ezanudin Lood Mustafa ^</p>	<p><b>JAWATANKUASA PEMEGANG TARUH</b> <i>Stakeholder Fee Committee</i></p> <p><b>Ar. Dr. Tan Loke Mun*</b> Ar. Jafri Merican Din Merican # Datuk Ar. Tan Pei Ing Ar. Tay Wai Fun, Lillian Ar. Jasmeet Pal Singh Sidhu ^ Ar. Chan Seong Aun ^</p>	<p><b>JAWATANKUASA TEKNOLOGI MAKLUMAT</b> <i>IT Committee</i></p> <p><b>Ar. Wan Mohammad Norshah Abdul Satar *</b> En Aidzil Adzhar Ahmad ^ # Ar. Yap Seng Chye, Chris Ar. Dexter Koh Yew Peng Ar. Mohamad Nazli Ramli ^ Ar. Sateerah Hassan ^</p>									
<p><b>JAWATANKUASA PENGURUSAN KES</b> <i>Case Management Committee</i></p> <p><b>Ar. Dr. Tan Loke Mun*</b> Ar. Sarly Adre Sarkum # Tan Sri Dato' Sri Ar. Esa Mohamed Datuk Ar. Tan Pei Ing Ar. Jafri Merican Din Merican Ar. Zuraina Leily Awalludin</p>	<p><b>JAWATANKUASA TIMBANGTARA</b> <i>Arbitration Committee</i></p> <p><b>Ar. Tay Wai Fun, Lillian*</b> Ar. Menaha Ramanath ^ Ar. Thulasaidas a/I Sivasubramaniam ^ Ar. David Cheah Ming Yew ^</p>	<p><b>JAWATANKUASA REKABENTUK DALAMAN</b> <i>Interior Design Committee</i></p> <p><b>Ar. Dexter Koh Yew Peng*</b> IDr. Mohamad Faizal Ghazali ^ # Datuk Ar. Tan Pei Ing Ar. Sarly Adre Sarkum Ar. Sharina Intan Abdullah Ar. Adrianta Aziz Ar. Wan Sofiah Wan Ishak IDr. Lai Siew Hong ^ IDr. Ooi Boon Seong ^ IDr. Ronnie Choong Swee Beng ^ IDr. Norshafina Ibrahim ^</p>									
<p><b>PANEL PENYIASAT</b> <i>Investigation Panel</i></p> <p><b>Semua Ahli Lembaga Pengarah</b></p>	<p><b>JAWATANKUASA PROMOSI &amp; PENERBITAN</b> <i>Promotion &amp; Publication Committee</i></p> <p><b>Ar. Sarly Adre Sarkum*</b> Ar. Adrianta Aziz # Ar. Wan Mohammad Norshah Abdul Satar Ar. Syahril Nizam Kamaruddin ^ Ar. Nazaruddin Muhammad ^ En. Saiful Fazli Ramli ^ Ar. Farez Mustapha ^ Ar. Ahmad Ridha Abd Razak ^ Ar. Ahmad Farik Abd Ghaffar ^ Ar. Amzar Ahmad ^</p>	<p><b>MAJLIS AKREDITASI &amp; PENDIDIKAN MALAYSIA (MAPS)</b> <i>Council of Accreditation of Architectural Education Malaysia (CAAEM)</i></p> <p>(01.12.2023 - 30.11.2026)</p>									
<p><b>PANEL DISIPLIN</b> <i>Disciplinary Panel</i></p> <p><b>Semua Ahli Lembaga Pengarah</b> (termasuk Ir. &amp; Sr.)</p>	<p><b>MAJLIS PEPERIKSAAN SENIBINA</b> <i>Architectural Examination Council</i></p> <p>(01.03.2024 - 28.02.2027)</p> <p><b>Ar. Wan Sofiah Wan Ishak*</b> Ar. Ahmad Nizam Radzi ^ # Ar. Chee Soo Teng ^ Ar. Chan Seong Aun ^ Ar. Abd Shukor Ismail IDr. Mohamad Faizal Ghazali ^ Ar. Jasmeet Pal Singh Sidhu ^ Ar. See Kim Piow ^ Ar. Thulasaidas a/I Sivasubramaniam ^ Ar. Zuraina Leily Awalludin Ar. Yap Seng Chye, Chris Prof. Ramli Abdullah</p> <p>Panel Peperiksaan Bahagian III Panel Peperiksaan Bahagian I &amp; II Panel Peperiksaan Rekabentuk Dalaman</p>	<p><b>Ar. Zuraina Leily Awalludin*</b> Ar. Meor Mohammad Fared Meor Razali ^ # Dato' Ar. Zulkhairi Md Zain ^ Ar. Sarly Adre Sarkum Ar. Norzaini Mufti ^ Ar. Zairul Azidin Badri ^ Dato' Dr. Ar. Ku Azhar Ku Hassan ^ Ar. Mustapha Mohd Salleh ^ Prof. Syed Ahmad Iskandar Syed Ariffin ^ Ar. Wan Norarjuna Wan Mustafa ^ En. Mohd Ishak Mohd Hussaini ^ Ar. Lim Hai Seah ^ Dr. Azhani Abd Manaf ^ Dr. Azari Mat Yasir ^ Prof. Ramli Abdullah ^ Dr. Nur Maizura Ahmad Noorhani Dr. Alice Sabrina Ismail ^ Dr. Mazran Ismail ^ Ar. Haris Fadzilah Abdul Rahman ^ Dr. Ar. Azlina Aziz ^ Ar. Hjh. Noraini Narodden (Sarawak) ^ Pn. Nur Diana Mohamed Rosli ^ Wakil KPKT Mohon dikecualikan JPA</p>									
<p><b>WAKIL LAM :</b> <i>LAM's Representative to :</i></p> <table border="1"> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Lembaga Jurutera Malaysia :</td> <td>Ar. Jafri Merican Din Merican</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Lembaga Jurukur Bahan Malaysia :</td> <td>Ar. Sharina Intan Abdullah</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Lembaga Perancang Bandar Malaysia :</td> <td>n/a</td> </tr> </tbody> </table>	1.	Lembaga Jurutera Malaysia :	Ar. Jafri Merican Din Merican	2.	Lembaga Jurukur Bahan Malaysia :	Ar. Sharina Intan Abdullah	3.	Lembaga Perancang Bandar Malaysia :	n/a		
1.	Lembaga Jurutera Malaysia :	Ar. Jafri Merican Din Merican									
2.	Lembaga Jurukur Bahan Malaysia :	Ar. Sharina Intan Abdullah									
3.	Lembaga Perancang Bandar Malaysia :	n/a									

**NOTA :**

Ahli tambahan boleh dipilih daripada kalangan Ahli Lembaga, Arkitek atau Arkitek Siswazah. Ex-Officio: Dato' Ar. IDr. Azman Md Hashim (Presiden) & Ar. Hani Yuliaty Mohd Lasa (Pendaftar)

\* Pengerusi

# Naib Pengerusi

^ Bukan Ahli Lembaga

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA



# LAPORAN TADBIR URUS KORPORAT

CORPORATE  
GOVERNANCE  
REPORT



20  
23

# LAPORAN TADBIR URUS KORPORAT

## CORPORATE GOVERNANCE REPORT

### Penubuhan Lembaga Arkitek Malaysia

Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) ditubuhkan di bawah Akta Arkitek 1967 [Akta 117] yang secara umumnya :



#### **ARCHITECTS ACT 1967**

*An Act to provide for the registration of architects, sole proprietorships, partnerships and bodies corporate providing architectural consultancy services, interior designers and building draughtsmen.*

*[1st October 1973, P.U.(B) 426/73]*



### Keanggotaan LAM

**Subseksyen 3(2) Akta 117** menetapkan keanggotaan LAM yang dilantik oleh Menteri Kerja Raya hendaklah terdiri daripada :

- a. Seorang Yang Dipertua dari kalangan Arkitek
- b. Lima Arkitek dari kalangan perkhidmatan awam
- c. Sepuluh Arkitek yang telah menjalankan amalan persendirian yang mana tiga daripadanya dicalonkan oleh Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM)
- d. Seorang ahli yang dicalonkan oleh Lembaga Jurutera Malaysia (LJM)
- e. Seorang ahli yang dicalonkan oleh Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM)
- f. Seorang ahli yang dilantik dari kalangan Pelukis Pelan Bangunan
- g. Seorang ahli yang dilantik dari kalangan Perekabentuk Dalaman
- h. Seorang ahli yang dilantik dari kalangan Pemeriksa Tapak
- i. Seorang ahli yang dilantik dari kalangan Teknologis Senibina

**Subseksyen 6 (1) Akta 117** menetapkan supaya Menteri Kerja Raya hendaklah melantik seorang Pendaftar Arkitek

# MESYUARAT LEMBAGA LAM

Pada tahun 2023, LAM telah mengadakan beberapa siri Mesyuarat Lembaga secara bersemuka dan atas talian. Berikut adalah tarikh-tarikh Mesyuarat Lembaga LAM yang telah diadakan sepanjang tahun 2023 :

Bil	Mesyuarat	Tarikh	Mod
1.	Mesyuarat Lembaga ke-204 (Bahagian I)	27 Mac 2023	Bersemuka
2.	Mesyuarat Lembaga ke-204 (Bahagian II)	18 April 2023	Atas Talian
3.	Mesyuarat Lembaga ke-205	10 Ogos 2023	Bersemuka
4.	Mesyuarat Lembaga ke-206	10 Oktober 2023	Bersemuka



# RINGKASAN AKTIVITI DAN PROGRAM

Pada tahun 2023, Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) merancang beberapa program sempena Ulangtahun yang ke-50. Berikut adalah aktiviti dan program yang telah dijalankan oleh LAM sepanjang tahun 2023 :

1. **103RD ASEAN COORDINATING COMMITTEE ON SERVICES (103RD CCS MEETING)**  
21 - 24 Februari 2023 (Jakarta, Indonesia)
2. **BENKEL PENYEDIAAN STANDARD AKREDITASI BAGI PROGRAM DIPLOMA SENIBINA & SIJIL TEKNOLOGI SENIBINA**  
4 - 5 Mac 2023 (Mercure Kuala Lumpur, Glenmarie Shah Alam)
3. **PEPERIKSAAN PROFESIONAL BAHAGIAN III TAHUN 2023**  
25 Mac 2023 (Dewan Peperiksaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur)
4. **104TH ASEAN COORDINATING COMMITTEE ON SERVICES (104TH CCS MEETING)**  
15-19 Mei 2023 (Yogyakarta, Indonesia)
5. **ARCHIDEX 2023**  
26 - 29 Julai 2023 (Kuala Lumpur Convention Centre)
6. **PERTANDINGAN IDEA REKABENTUK SENIBINA IDENTITI MALAYSIA**  
17 Julai - 31 Ogos 2023
7. **4TH ASEAN ARCHITECT CONGRESS**  
26 - 29 Julai 2023 (Makassar, Indonesia)
8. **BENKEL PEPERIKSAAN PROFESIONAL BAHAGIAN III**  
23 September 2023 (Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid, KKR)
9. **SAMBUTAN 50 TAHUN & MAJLIS ANUGERAH LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA 2023**  
4 Oktober 2023 (Grand Ballroom, Four Seasons Hotel Kuala Lumpur)
10. **DIALOG SENIBINA MALAYSIA**  
6 Oktober 2023 (Dewan Tun Hussien Onn, WTCKL)
11. **MAJLIS PENTAULIAHAN ARKITEK 2023**  
6 Oktober 2023 (Dewan Tun Hussien Onn, WTCKL)
12. **TAKLIMAT PENDAFTARAN AHLI-AHLI BARU 2023**  
7 Oktober 2023 (Dewan Tun Hussien Onn, WTCKL)
13. **CPD TALK - CURRENT GENERAL CIRCULARS ISSUED BY LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA**  
7 Oktober 2023 (Dewan Tun Hussien Onn, WTCKL)
14. **BENKEL PENTAULIAHAN BAHAGIAN III MAJLIS PEPERIKSAAN SENIBINA MALAYSIA**  
14 Oktober 2023 (Cyberview Resort & Spa)
15. **REKA INTERIOR EXHIBITION - RIX 2023**  
26 - 29 Oktober 2022 (Kuala Lumpur Convention Centre - KLCC)
16. **105TH ASEAN COORDINATING COMMITTEE ON SERVICES (105TH CCS MEETING)**  
13 - 17 November 2023 (Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam)
17. **BENKEL SIDANG EDITOR LAM POLICY AND PROCEDURES FOR ACCREDITATION OF ARCHITECTURE PROGRAMME (PAAP)**  
18 - 19 November 2023 (Concorde Hotel Shah Alam, Selangor)
18. **HARI PROFESION TEKNIKAL NEGARA (HPTN 2023)**  
5 Disember 2023 (Dewan Damar Sari, Putrajaya)



LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA



# ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

ANALYSIS OF FINANCIAL  
PERFORMANCE

# LAPORAN PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN SUMBER DANA KERAJAAN PERSEKUTUAN &

REPORT ON RECEIPT AND USE OF FEDERAL  
GOVERNMENT FUNDS

20  
23

## ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Berikut merupakan prestasi kewangan bagi tempoh lima (5) tahun (2019 - 2023)

Pendapatan dan Perbelanjaan		Tahun Berakhir 31 Disember 2023 (RM'000)				
		2023	2022	2021	2020	2019
1.	Jumlah Pendapatan	5,072.43	3,122.85	2,420.63	3,518.99	4,128.05
2.	Jumlah Perbelanjaan (termasuk cukai pendapatan)	3,549.33	2,789.98	2,282.15	2,096.97	2,680.43
3.	Nisbah Perbelanjaan kepada Pendapatan	1.43	1.12	1.06	1.68	1.54
4.	Untung Bersih bagi Tahun	1,523.10	332.88	138.48	1,422.02	1,447.61

Pada tahun 2023, jumlah pendapatan LAM telah meningkat sebanyak RM1,949.58 ribu (62%) berbanding RM3,122.85 ribu pada tahun 2022. Perbelanjaan bagi tahun 2023 pula meningkat sebanyak RM759.36 ribu (27%) berbanding RM2,789.98 ribu pada tahun 2022.

Aset, Ekuiti dan Liabiliti		Tahun Berakhir 31 Disember 2023 (RM'000)				
		2023	2022	2021	2020	2019
<b>1. Jumlah Aset</b>						
	• Aset Bukan Semasa	1,472.55	1,402.60	1,248.19	116.71	116.41
	• Aset Semasa	17,475.57	17,988.94	15,593.15	16,384.02	16,002.02
		18,948.12	19,391.53	16,841.34	16,500.74	16,118.43
<b>2. Jumlah Ekuiti</b>						
	• Keuntungan Terkumpul	16,630.62	15,209.52	14,664.28	14,525.81	13,103.79
<b>3. Jumlah Liabiliti</b>						
	• Liabiliti Bukan Semasa	50.34	33.09	32.23	23.83	-
	• Liabiliti Semasa	2,267.17	4,148.92	2,144.83	1,951.11	3,014.64
		2,317.51	4,182.02	2,177.06	1,974.93	3,014.64
<b>4.</b>	<b>Jumlah Ekuiti dan Liabiliti</b>	<b>18,948.12</b>	<b>19,391.53</b>	<b>16,841.34</b>	<b>16,500.74</b>	<b>16,118.43</b>

Terdapat pengurangan jumlah aset pada tahun 2023 sebanyak RM443.41 ribu iaitu 2.29% berbanding RM19,391.53 ribu pada tahun 2022. Di samping itu, jumlah liabiliti turut berkurang sebanyak RM1,864.51 ribu iaitu 44.58% daripada RM4,182.02 ribu pada tahun 2022. Jumlah keuntungan terkumpul meningkat sebanyak RM1,421.09 ribu iaitu 9.34% disebabkan lebih pendapatan selepas cukai.

## ANALISIS KEWANGAN 5 TAHUN LAM

Berikut merupakan analisa kewangan bagi tempoh lima (5) tahun (2019 – 2023)

Nisbah Kewangan	Tahun Berakhir 31 Disember 2023 (RM'000)				
	2023	2022	2021	2020	2019
<b>NISBAH KECAIRAN</b>					
• Nisbah Semasa	7.71	4.34	7.27	8.40	5.31
• Nisbah Tunai	6.82	3.72	7.21	7.89	5.06

### NISBAH SEMASA

Pada tahun 2023, LAM mempunyai aset semasa 7.71 kali ganda daripada liabiliti semasa. Ini bermakna LAM mempunyai kemampuan untuk membayar balik liabiliti semasa/hutang jangka pendek. Nisbah semasa tahun 2023 meningkat sebanyak 3.37 berbanding 4.34 bagi tahun 2022.

### NISBAH TUNAI


Nisbah tunai sebanyak 6.82 menunjukkan di mana aset-aset cair dipegang oleh LAM berbanding dengan jumlah liabiliti semasa. Nisbah ini menunjukkan kecairan sebenar LAM dalam membiayai liabiliti semasa tanpa mengambil kira aset semasa yang belum pasti dapat ditunaikan dalam masa yang singkat.

## LAPORAN PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN SUMBER DANA KERAJAAN PERSEKUTUAN

Bantuan Kerajaan	2023	2022
<b>PEMBERIAN (PINDAAN DAN ELEKTRONIK)</b>		
Baki pada 1 Januari	108,385	221,837
Diiktiraf sebagai hasil	-	-113,452
Baki berakhir 31 Disember	108,385	108,385

Pemberian oleh Kerajaan (Kementerian Kerja Raya Malaysia) ini yang disalurkan bertujuan bagi membiayai kos perolehan bagi Sistem Perakaunan dan Kewangan Bersepadu berasaskan SAGA. LAM adalah terikat dengan terma rujukan, tujuan dan syarat pemberian dana. Peruntukan yang diterima akan mengimbangi dengan kos-kos Sistem Perakaunan SAGA apabila terma rujukan, tujuan dan syarat pemberian dana telah dipenuhi.

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA



**LAPORAN  
PENCAPAIAN  
PRESTASI PROGRAM/  
AKTIVITI/ PROJEK**

**PROGRAM/ ACTIVITY/ PROJECT  
PERFORMANCE ACHIEVEMENT REPORT**

**20  
23**

# PELANCARAN

## SAMBUTAN 50 TAHUN LAM & MAJLIS ANUGERAH LAM 2023

Sambutan 50 Tahun LAM dan Majlis Anugerah LAM telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, YB Dato' Sri Hj. Fadillah b. Hj. Yusof pada Rabu, 4 Oktober 2023 di Four Seasons Hotel Kuala Lumpur.

Majlis Anugerah LAM diadakan bagi meraikan para penerima Pingat Presiden LAM serta Anugerah Pendidikan Senibina LAM bagi tahun 2023. Majlis ini lazimnya diadakan setiap dua (2) tahun. Ia adalah kali keempat diadakan sejak penganjurannya pada 2015 dan selepas perintah kawalan pergerakan (PKP) pada tahun 2019.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh tetamu kehormat seperti Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kerja Raya, YBhg. Dato' Hasnol Zam Zam yang juga turut mewakili YB Menteri Kerja Raya yang tidak dapat hadir atas urusan luar negara. Selain itu, Majlis turut diserikan dengan kehadiran mantan Presiden-Presiden LAM, ahli-ahli lembaga LAM, para pemenang kedua-dua kategori Anugerah tahun-tahun terdahulu serta para jemputan lain.



# S A M B U T A N 5 0 T A H U N L A M

**Tarikh:**

6 - 7 Oktober 2023

**Tempat:**

Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)

Sambutan 50 Tahun LAM turut disertai oleh beberapa pempamer yang terdiri daripada Pertubuhan Perekabentuk Dalamam Malaysia (MIID), Nippon Paint Sdn Bhd, DML Products, PP Chin Hin, dan Taylor's University. Satu cara penyerahan sijil penyertaan oleh Presiden LAM, YBhg. Datin Ar. Yong Razidah Rashid telah diadakan pada 7 Oktober 2023.



Dari kiri : DML Products Sdn Bhd dan Pertubuhan Perekabentuk Dalamam Malaysia (MIID)



Dari kiri : Nippon Paint (M) Sdn Bhd, Taylor's University Sdn Bhd, PP Chin Hin Sdn Bhd

## Pertandingan IDEA Rekabentuk Senibina Identiti Malaysia

Pertandingan Rekabentuk ini buat pertama kali dianjurkan oleh Lembaga Arkitek Malaysia (LAM). Semua penyertaan yang diterima bagi semua kategori telah dipamerkan sepanjang dua (2) hari Sambutan 50 Tahun Lembaga Arkitek Malaysia diadakan.



# DIALOG SENIBINA MALAYSIA

6 Oktober 2023 (Jumaat)



LAM buat julung kali telah mengadakan Pertandingan Idea Rekabentuk Senibina Identiti Malaysia sempena Sambutan 50 Tahun LAM. Beberapa kategori telah dipertandingkan. Hasil daripada sesi penjurian yang telah diadakan, satu Sesi Dialog Senibina Malaysia dianjurkan bagi berkongsi pengalaman daripada tiga (3) penerima Pingat Presiden LAM iaitu YBhg. Tan Sri Dato' Sri Ar. Esa Mohamed (Tahun 2015), YBhg. Dato' Ar. Hajeedar Abdul Majid (Tahun 2017) dan YBrs. Ar. Hijjas Kasturi (Tahun 2023).



Ahli-ahli Panel Sesi Dialog bersama Moderator  
Ar. Sarly Adre Sarkum

Ketiga-tiga figura ini turut terlibat sebagai ahli Panel Juri bagi Pertandingan tersebut. Semua ahli panel telah berkongsi pengalaman dan hasil kerja masing-masing sepanjang penglibatan mereka dalam bidang kesenibinaan dengan para hadirin yang hadir selain para peserta Pertandingan.

# MAJLIS PENTAULIAHAN ARKITEK 2023

6 Oktober 2023 (Jumaat)



YBhg. Dato' Ar. Hajeedar Abdul Majid pada sesi Executive Talk.

Seramai 245 orang Arkitek yang telah berdaftar telah menerima Siji Pendaftaran masing-masing bagi Majlis Pentaualihan Arkitek 2023. Kesemua penerima telah lulus Peperiksaan Profesional Bahagian III, LAM sebelum layak berdaftar sebagai Arkitek di bawah Seksyen 10(2) Akta Arkitek 1967. Selain sesi penyampaian siji pendaftaran oleh Presiden LAM, YBhg. Datin Ar. Yong Razidah Rashid, sesi Executive Talk bertajuk "Dignity of an Architect" telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Ar. Hajeedar Abdul Majid.



Para Penerima Siji Pendaftaran Semasa Majlis Pentaualihan Arkitek 2023

## TAKLIMAT PENDAFTARAN AHLI-AHLI BARU LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

7 Oktober 2023 (Sabtu)

Taklimat Pendaftaran Ahli-Ahli Baru yang diadakan pada 7 Oktober 2023 dianjurkan khusus kepada ahli-ahli yang baru berdaftar dengan LAM. Sesi ini telah dianjurkan



beberapa kali sebelum ini bagi memastikan ahli-ahli yang baru berdaftar mendapat maklumat-maklumat berkaitan khususnya pematuhan terhadap peruntukan perundangan berkaitan seperti Akta Arkitek 1967 dan Kaedah-kaedah Arkitek 1996.



# CPD TALK

7 Oktober 2023 (Sabtu)




Ahli-ahli Panel CPD Talk

Sepanjang tahun 2023, Lembaga Arkitek Malaysia telah mengeluarkan beberapa Pekeliling Am untuk makluman kepada ahli-ahli berdaftar. CPD Talk ini diadakan sebagai inisiatif bagi membantu para ahli supaya lebih memahami peraturan-peraturan terkini yang dikuatkuasakan.

Antara Pekeliling Am yang dibincangkan adalah Pindaan kepada Kaedah-Kaedah Arkitek 1996 (Pekeliling Am Bil. 1/2023), Garispanduan mengenai Praktis Perundingan Seni Bina (Pekeliling AM Bil. 2/2023), Garispanduan mengenai Surat Pelepasan (Pekeliling AM Bil. 3/2023) serta Garispanduan mengenai Pembangunan Profesional Berterusan (Pekeliling AM Bil. 4/2023)



LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA



# PENYATA KEWANGAN

FINANCIAL  
STATEMENT



20  
23



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Arkitek Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Lembaga Arkitek Malaysia dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 29.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Arkitek Malaysia pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015).

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Lembaga Arkitek Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

## **Penegasan Perkara**

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar berjumlah RM1,716,679 (2022: RM1,602,328) dan Lain-Lain Belum Bayar berjumlah RM392,145 (2022: RM2,438,211). Termasuk dalam jumlah Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar dan Lain-Lain Belum Bayar tersebut adalah terimaan terdahulu yuran pembaharuan pendaftaran masing-masing sebanyak RM78,453 dan RM84,960 yang tidak dikenal pasti sama ada perlu diiktiraf sebagai Hasil Urus Niaga Pertukaran atau dikembalikan kepada ahli yang berdaftar.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Ahli Lembaga, Lembaga Arkitek Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Arkitek Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Ahli Lembaga Terhadap Penyata Kewangan**

Ahli Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Arkitek Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015). Ahli Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Arkitek Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Arkitek Malaysia, Ahli Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Arkitek Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Arkitek Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan

dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.


Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Arkitek Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Arkitek Malaysia;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Lembaga;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Arkitek Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Arkitek Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Lembaga Arkitek Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Arkitek Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Ahli Lembaga telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

### Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Lembaga, Lembaga Arkitek Malaysia berdasarkan keperluan Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA

15 OKTOBER 2024




## **LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA**

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

### **PENYATA PRESIDEN DAN SEORANG AHLI LEMBAGA**

Kami Dato' Ar. Azman bin Md Hashim dan Ar. Abd Shukor bin Ismail yang merupakan Presiden dan salah seorang Ahli Lembaga, Lembaga Arkitek Malaysia dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet Lembaga Arkitek Malaysia yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Arkitek Malaysia pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,




DATO' Ar. AZMAN BIN MD HASHIM  
PRESIDEN

28 JUN 2024

KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga,



Ar. ABD SHUKOR BIN ISMAIL  
AHLI LEMBAGA

28 JUN 2024

KUALA LUMPUR

## LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

### PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Saya, Ar. Hani Yuliaty binti Mohd Lasa, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Lembaga Arkitek Malaysia, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet Lembaga Arkitek Malaysia dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas )  
di Kuala Lumpur )  
pada **KUALALUMPUR** )  
**WILAYAH PERSEKUTUAN** )  
**28 JUN 2024**



Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAH

79-1, First Floor, Sri Bonus,  
Off Jalan Masjid India  
50100 Kuala Lumpur



## LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

### PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2023

	Nota	2023 RM	2022 RM
<b>ASET</b>			
<b>Aset Semasa</b>			
Urus niaga pertukaran belum terima	4	63,052	1,384
Lain-lain belum terima	5	211,681	131,845
Cukai boleh dikembalikan		7,015	6,947
Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen	6	14,983,516	13,127,761
Tunai di tangan dan di bank		2,210,304	4,721,001
<b>Jumlah Aset Semasa</b>		<u>17,475,568</u>	<u>17,988,938</u>
<b>Aset Bukan Semasa</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	7	150,289	181,657
Aset tak ketara	8	486,455	338,299
Kerja dalam kemajuan	9	835,810	882,639
<b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>		<u>1,472,554</u>	<u>1,402,595</u>
<b>Jumlah Aset</b>		<u>18,948,122</u>	<u>19,391,533</u>
<b>LIABILITI</b>			
<b>Liabiliti Semasa</b>			
Urus niaga pertukaran belum bayar		1,716,679	1,602,328
Lain-lain belum bayar	10	392,145	2,438,211
Pendapatan tertunda	11	108,385	108,385
Manfaat kakitangan	12	49,956	-
<b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>		<u>2,267,165</u>	<u>4,148,924</u>
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>			
Manfaat kakitangan	12	50,342	33,093
<b>Jumlah Liabiliti Bukan Semasa</b>		<u>50,342</u>	<u>33,093</u>
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<u>2,317,507</u>	<u>4,182,017</u>
<b>Aset Bersih</b>		<u>16,630,615</u>	<u>15,209,516</u>
<b>Diwakili oleh:</b>			
Lebihan terkumpul		<u>16,630,615</u>	<u>15,209,516</u>

Nota-nota di muka surat 9 hingga 29 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA**

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**

**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	Nota	2023 RM	2022 RM
<b>Pendapatan</b>			
Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran			
- Hibah		3,720	3,583
- Sumbangan IAEEC		-	4,500
- Sumbangan Kementerian Kerja Raya	11	-	113,452
- Projek Khas		278,574	-
Hasil daripada urus niaga pertukaran			
- Yuran keahlian	13	3,045,300	1,295,608
- Pendapatan dari program/seminar/bengkel/acara	14	-	58,700
- Faedah deposit tetap		421,273	239,254
- Levi timbangtara		3,413	12,315
- Pendapatan lain	15	1,320,151	1,395,440
		<u>5,072,431</u>	<u>3,122,852</u>
<b>Tolak: Perbelanjaan</b>			
Kos kakitangan	16	1,233,369	978,183
Emolumen dan elaun ahli lembaga dan lain-lain	17	78,349	165,629
Perbelanjaan operasi lain	18	2,080,023	1,612,873
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	7	35,979	26,187
Perbelanjaan pelunasan aset tak ketara		121,614	-
Perbelanjaan pelupusan aset		-	7,105
		<u>3,549,334</u>	<u>2,789,977</u>
<b>Lebihan pendapatan sebelum cukai</b>		1,523,097	332,875
Cukai	19	101,998	58,281
<b>Lebihan pendapatan selepas cukai</b>		<u>1,421,099</u>	<u>274,594</u>

Nota-nota di muka surat 9 hingga 29 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA**

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

**PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	<b>Lebihan Terkumpul RM</b>
<b>LEBIHAN TERKUMPUL</b>	
<b>Pada 1 Januari 2022</b>	14,934,922
Lebihan pendapatan bagi tahun kewangan	274,594
<b>Pada 31 Disember 2022/1 Januari 2023</b>	15,209,516
Lebihan pendapatan bagi tahun kewangan	1,421,099
<b>Pada 31 Disember 2023</b>	<b>16,630,615</b>

Nota-nota di muka surat 9 hingga 29 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

### PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	2023 RM	2022 RM
<b><u>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</u></b>		
Lebih pendapatan sebelum cukai	1,523,097	332,875
Pelarasan bagi:		
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	35,979	26,187
Perbelanjaan pelunasan aset tak ketara	121,614	-
Perbelanjaan pelupusan	-	7,105
Faedah untuk deposit tetap	(421,273)	(239,254)
<b>Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja</b>	<b>1,259,417</b>	<b>126,913</b>
(Peningkatan)/pengurangan dalam akaun belum terima bagi urus niaga pertukaran	(61,668)	2,375
Pengurangan dalam akaun belum terima lain	-	(4,593)
Peningkatan dalam akaun belum bayar bagi urus niaga pertukaran	114,351	838,049
(Pengurangan)/peningkatan dalam akaun belum bayar lain	(2,046,066)	1,439,370
Peningkatan/(pengurangan) dalam manfaat kakitangan	67,205	(1,823)
	<u>(1,926,178)</u>	<u>2,273,378</u>
<b>Tunai (digunakan pada)/dihasilkan daripada aktiviti operasi</b>	<b>(666,761)</b>	<b>2,400,291</b>
Cukai dibayar	(102,066)	(58,381)
Cukai dikembalikan	-	1,586
<b>Tunai bersih (digunakan pada)/dihasilkan daripada aktiviti operasi</b>	<b>(768,827)</b>	<b>2,343,496</b>
<b><u>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</u></b>		
Pembelian peralatan pejabat dan perabot	(4,611)	(120,038)
Faedah untuk deposit tetap	341,437	239,254
Kerja dalam kemajuan	(222,941)	(67,660)
<b>Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pelaburan</b>	<b>113,885</b>	<b>51,556</b>

**LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA**

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

**PENYATA ALIRAN TUNAI**

**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)**

	<b>2023</b>	<b>2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai</b>	(654,942)	2,395,052
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun kewangan	<u>17,848,762</u>	<u>15,453,710</u>
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan	<u><u>17,193,820</u></u>	<u><u>17,848,762</u></u>
<b>Analisis tunai dan kesetaraan tunai:</b>		
Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen	14,983,516	13,127,761
Tunai dan baki di bank	<u>2,210,304</u>	<u>4,721,001</u>
	<u><u>17,193,820</u></u>	<u><u>17,848,762</u></u>

Nota-nota di muka surat 9 hingga 29 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

### PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Jumlah Bajet* RM	Jumlah Sebenar RM	Varian Bajet RM
<b>Penerimaan (Nota (a))</b>			
Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran			
- Hibah	3,941	3,720	221
- Projek Khas	300,000	278,574	21,426
Hasil daripada urus niaga pertukaran			
- Yuran keahlian	1,943,412	3,045,300	(1,101,888)
- Pendapatan dari program/seminar/bengkel/acara	64,570	-	64,570
- Faedah deposit tetap	311,030	421,273	(110,243)
- Levi timbangtara	12,315	3,413	8,902
- Pendapatan lain	1,534,984	1,320,151	214,833
	<u>4,170,252</u>	<u>5,072,431</u>	<u>(902,179)</u>
<b>Tolak: Pembayaran (Nota (b))</b>			
Kos kakitangan	1,076,001	1,233,369	(157,368)
Emolumen dan elaun ahli lembaga dan lain-lain	198,755	78,349	120,406
Perbelanjaan operasi lain	1,935,448	2,080,023	(144,575)
Hartanah, loji dan peralatan dan kerja dalam kemajuan	4,356	227,552	(223,196)
Cukai	70,426	102,066	(31,640)
	<u>3,284,986</u>	<u>3,721,359</u>	<u>(436,373)</u>
<b>Penerimaan bersih</b>	<u>885,266</u>	<u>1,351,072</u>	<u>(465,806)</u>

Nota:

\* Tiada sebarang perubahan dari bajet asal.

Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet dan Jumlah Sebenar.

- (a) Perbezaan varian penerimaan dari bajet adalah disebabkan oleh peningkatan ketara dalam yuran keahlian dan faedah deposit tetap dari bajet berikutan pemulihan situasi pandemik COVID-19 dan kenaikan kadar faedah deposit tetap dalam tahun kewangan semasa. Walaubagaimanapun, sebahagian peningkatan dalam yuran keahlian dan faedah deposit tetap telah diimbangi dengan pengurangan dalam pendapatan lain.
- (b) Perbezaan varian pembayaran dari bajet adalah disebabkan oleh tuntutan kerja dalam kemajuan yang tidak termasuk dalam bajet. Peningkatan dalam kos kakitangan dan perbelanjaan operasi lain terutamanya disebabkan oleh peningkatan bilangan ahli dan perlaksanaan program yang dirancang dapat dilaksanakan.

Nota-nota di muka surat 9 hingga 29 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## **LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA**

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

#### **1. Maklumat Korporat**

Lembaga Arkitek Malaysia yang diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015) (Akta 117) adalah sebuah agensi Kerajaan yang bertanggungjawab untuk pendaftaran Arkitek, Arkitek Graduan, Arkitek Asing, Praktis Perunding Senibina, Pelukis Pelan Bangunan, Perakabentuk Dalaman, Graduan Perakabentuk Dalaman, Praktis Perakabentuk Dalaman, Pemeriksa Tapak dan Teknologis Senibina Bangunan di Malaysia.

Pejabat berdaftar dan lokasi utama perniagaan Lembaga Arkitek Malaysia terletak di Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur.

Objektif utamanya di bawah Akta 117 adalah:

- (a) untuk menyimpan dan menyenggara daftar Arkitek, Arkitek Graduan, Arkitek Asing, daftar Praktis Perunding Senibina, daftar Pelukis Pelan Bangunan, daftar Perakabentuk Dalaman, Graduan Perakabentuk Dalaman, Praktis Perakabentuk Dalaman, daftar Pemeriksa Tapak dan daftar Teknologis Senibina;
- (b) untuk meluluskan atau menolak permohonan untuk pendaftaran di bawah Akta ini atau meluluskan mana-mana permohonan yang tertakluk kepada apa-apa sekatan sebagaimana yang difikirkan patut dikenakan;
- (c) untuk mendengar dan menentukan pertikaian berkaitan dengan kelakuan professional atau etika Arkitek, Arkitek Graduan, Perakabentuk Dalaman, Pelukis Pelan Bangunan, Arkitek Asing, Graduan Perakabentuk Dalaman, Pemeriksa Tapak dan Teknologis Senibina dan melantik suatu jawatankuasa atau penimbangtara untuk mendengar dan menentukan pertikaian tersebut;
- (d) untuk menentukan dan mengawal selia kelakuan dan etika profesion Seni Bina, Perakabentuk Dalaman, Pelukis Pelan Bangunan dan Praktis Senibina dan Praktis Pereka Bentuk Dalaman;
- (e) untuk melantik panel, yang terdiri daripada Ahli Lembaga dan Arkitek seperti yang ditentukan oleh pihak Lembaga, untuk menjalankan pemeriksaan untuk kemasukan ke profesion; dan
- (f) secara amnya, untuk melakukan segala perbuatan, tindakan masalah dan perkara yang perlu untuk menjalankan peruntukan Akta ini.

## **LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA**

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)**

#### **2. Dasar-Dasar Perakaunan**

##### **(a) Asas Perakaunan**

Penyata kewangan LAM bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015) (Akta 117).

Penyata Kewangan LAM ini adalah merupakan penyata kewangan tahun keempat yang disediakan menggunakan MPSAS. LAM telah menggunakan MPSAS pada 1 Januari 2019. Pemakaian MPSAS memerlukan semua piawaian di dalam MPSAS digunakan dalam penyediaan Penyata Kewangan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020, Penyata Perbandingan bagi Tahun sebelumnya Berakhir 31 Disember 2019 dan baki awal Penyata Kedudukan Kewangan pada tarikh peralihan kepada MPSAS. Sebelum ini Penyata Kewangan LAM telah disediakan menggunakan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS).

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan, anggaran dan andaian ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan, ia telah didedahkan dalam Nota 3 Pertimbangan Dan Anggaran Perakaunan Yang Ketara.



## LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

#### 2. Dasar-Dasar Perakaunan (Sambungan)

##### (b) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan penjejasan nilai terkumpul.

Jika sesuatu aset diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

Susut nilai dikira untuk menghapuskan nilai hartanah, loji dan peralatan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan. Kadar susut nilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

	Kadar susut nilai
Peralatan pejabat	15%
Perabot dan kelengkapan	10%

Kerja dalam kemajuan terdiri daripada kerja-kerja yang melibatkan hartanah dan peralatan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan semasa. Kerja dalam kemajuan dinyatakan pada nilai kos dan tidak disusutnilaikan sehingga aset berkenaan sedia untuk digunakan.

##### (c) Aset Tak Ketara

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset diukur dengan pasti.

Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan.

Aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul. Pelunasan aset tak ketara adalah berdasarkan jangka hayat 5 tahun. Aset tak ketara dinyatakan pada nilai kos dan tidak dipelunaskan sehingga aset berkenaan bermula untuk digunakan.

## **LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA**

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)**

#### **2. Dasar-Dasar Perakaunan (Sambungan)**

##### **(d) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan**

Nilai bawaan aset kecuali aset kewangan dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat tanda-tanda penurunan nilai. Sekiranya ada petunjuk sedemikian, amaun yang boleh diperoleh semula aset dianggarkan.

Amaun boleh pulih daripada aset atau unit penjanaan tunai adalah lebih besar daripada nilainya yang digunakan dan nilai saksamanya ditolak kos untuk dijual. Dalam menaksir nilai digunakan, anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan kepada nilai sekarang dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa mengenai nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Bagi tujuan pengujian kemerosotan nilai, aset dikumpulkan bersama ke dalam kumpulan aset yang lebih kecil yang menghasilkan aliran masuk tunai aset atau kumpulan aset lain (unit penjanaan tunai).

Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf sekiranya jumlah aset atau unit penjanaan tunai melebihi amaun yang boleh diperolehi semula. Kerugian kemerosotan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan. Kerugian kemerosotan nilai iktiraf berhubung unit penjanaan tunai diperuntukkan terlebih dahulu untuk mengurangkan jumlah bawaan aset lain dalam unit (kumpulan unit) secara pro rata.

Kerugian rosot nilai yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu dinilai pada setiap tarikh pelaporan untuk sebarang petunjuk bahawa kerugian tersebut telah menurun atau tidak lagi wujud. Kerugian penurunan nilai dibalikkan sekiranya terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh diperolehi dan ia hanya dibalikkan setakat amaun dibawa aset tidak melebihi amaun dibawa yang akan ditentukan, selepas susut nilai atau pelunasan, jika tiada kerugian rosot nilai telah diiktiraf. Pembalikkan kerugian kemerosotan dikreditkan ke Penyata Prestasi Kewangan dalam tahun di mana pembalikkan diiktiraf.

## LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

#### 2. Dasar-Dasar Perakaunan (Sambungan)

##### (e) Instrumen Kewangan

###### (i) *Pengiktirafan awal*

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang menimbulkan aset kewangan bagi satu entiti dan instrumen kewangan liabiliti atau ekuiti bagi entiti yang lain. Instrumen kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Lembaga telah menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan permulaan, semua instrumen kewangan diiktiraf pada harga transaksi, termasuk kos urus niaga jika instrumen kewangan tersebut tidak diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Bagi instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos urus niaga dicajkan kepada untung atau rugi apabila ia berlaku. Bagi instrumen kewangan yang membentuk transaksi pembiayaan, instrumen kewangan itu diukur pada nilai terkini seperti pembayaran masa akan datang yang didiskaunkan pada kadar pasaran bagi faedah untuk instrumen hutang yang sama.

###### (ii) *Pengukuran berikutnya*

###### **Keuntungan dan kerugian**

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif:

- i. Pulangan kepada pemegang adalah tetap atau boleh ditentukan;
- ii. Tidak ada peruntukan kontrak yang boleh menyebabkan pemegang kehilangan jumlah pokok atau apa-apa faedah kepada tempoh semasa atau terdahulu; dan
- iii. Pilihan bayaran pendahuluan, jika ada, tidak bergantung pada peristiwa masa depan.

Pelaburan dalam saham biasa yang tiada syarat, dan pelaburan dalam saham tidak boleh tukar dan saham keutamaan yang tiada syarat boleh diukur pada kos tolak rosot nilai, melainkan jika saham yang diniagakan secara awam atau nilai saksama boleh diukur dengan pasti, di mana pelaburan diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Semua aset kewangan atau liabiliti kewangan yang tidak dinilai pada kos yang dilunaskan atau kos tolak rosot nilai akan dinilai pada nilai saksama dengan perubahan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

## LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

#### 2. Dasar-Dasar Perakaunan (Sambungan)

##### (e) Instrumen Kewangan (Sambungan)

##### (ii) *Pengukuran berikutnya (Sambungan)*

##### **Kemerosotan aset kewangan**

Selain daripada aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, semua aset kewangan lain adalah tertakluk kepada semakan rosot nilai.

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Lembaga akan memeriksa sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan telah menunjukkan satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan negatif ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset tersebut. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila ia berlaku.

Kerugian rosot nilai bagi instrumen yang diukur pada kos yang dilunaskan dinilai daripada perbezaan di antara amaun aset yang dibawa dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset. Jumlah aset yang dibawa dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

Kerugian kemerosotan berkaitan dengan instrumen ekuiti tidak disebut harga yang dinyatakan pada kos tolak rosot nilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun aset kewangan yang dibawa dan anggaran terbaik daripada jumlah yang akan diterima oleh entiti bagi aset tersebut jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

Jika dalam tempoh berikutnya jumlah kerugian rosot nilai berkurangan dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi, kerugian rosot nilai dibalikkan sehingga ke tahap di mana amaun aset yang dibawa tidak melebihi amaun dibawa jika penjejasan nilai tidak diiktiraf pada tarikh penjejasan nilai diterbalikkan. Amaun pembalikkan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

## LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

#### 2. Dasar-Dasar Perakaunan (Sambungan)

##### (e) Instrumen Kewangan (Sambungan)

###### (iii) *Penyahiktirafan instrumen kewangan*

Aset kewangan dinyahiktirafkan apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Lembaga telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan.

Liabiliti kewangan dinyahiktirafkan apabila ia dipadamkan, iaitu apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Satu pengubahsuaian yang besar dalam tempoh liabiliti kewangan yang sedia ada dianggap sebagai penghapusan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan baru. Sebarang perbezaan di antara nilai liabiliti kewangan yang dibawa dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan cukup dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti yang ditanggung, diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

##### (f) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai terdiri daripada tunai di tangan dan baki di bank. Sementara kesetaraan tunai terdiri daripada dana jangka pendek dan simpanan mudah cair yang boleh ditukar kepada wang tunai tanpa perubahan nilai yang ketara.

##### (g) Peruntukan dan Liabiliti

Peruntukan diiktiraf apabila LAM mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil dari peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila LAM menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam lebihan atau kekurangan daripada sebarang pembayaran balik.

## LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

#### 2. Dasar-Dasar Perakaunan (Sambungan)

##### (h) Pengiktirafan Pendapatan

###### (i) *Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran*

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

- (a) Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu akan diambil kira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.
- (b) Peruntukan yang diterima bagi program/projek yang merangkumi tempoh kurang daripada setahun diiktiraf sebagai hasil dalam tahun berkenaan. Bagi penerimaan untuk mengendalikan program/projek yang melebihi satu tahun, terimaan akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Projek berkenaan dan lebihan penerimaan atas perbelanjaan akan diiktiraf sebagai pendapatan bagi tahun penutupan program/projek apabila habis tempoh atau hayat program/projek tersebut. Sebaliknya jika terdapat lebihan perbelanjaan atas penerimaan ianya akan diiktiraf sebagai perbelanjaan.
- (c) Pendapatan belum diiktiraf adalah lebihan pendapatan/peruntukan yang diterima dari perbelanjaan yang dibuat pada tahun semasa di bawa ke hadapan bagi menanggung perbelanjaan bagi tahun berikutnya (program/projek yang meliputi tempoh masa melebihi satu tempoh perakaunan).

## LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

#### 2. Dasar-Dasar Perakaunan (Sambungan)

##### (h) Pengiktirafan Pendapatan (Sambungan)

###### (i) Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Sambungan)

(d) Sumbangan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu diambil kira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Sumbangan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu diiktiraf sebagai liabiliti dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat. Sumbangan dilunaskan berasaskan kaedah garis lurus mengikut anggaran hayat kegunaannya.

###### (ii) Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran yang diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

- (a) Yuran pendaftaran dikreditkan ke penyata pendapatan dan perbelanjaan pada tahun di mana ahli-ahli baru diluluskan.
- (b) Yuran pembaharuan diiktiraf pada tahun kewangan di mana ahli-ahli sedia ada memperbaharui pendaftaran mereka.
- (c) Yuran peperiksaan diiktiraf pada tahun kewangan di mana ahli-ahli sedia ada mengambil bahagian dalam peperiksaan.
- (d) Yuran pentauliahkan diiktiraf di mana institusi tempatan, swasta dan institut luar negara mendapat kelulusan daripada Ahli Lembaga.
- (e) Pendapatan faedah diiktiraf apabila ia terakru, menggunakan kaedah faedah berkesan.

###### (iii) Lain-Lain Hasil

Lain-lain hasil diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan itu telah diberikan.

## LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

#### 2. Dasar-Dasar Perakaunan (Sambungan)

##### (i) Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

###### (i) *Pertimbangan perakaunan kritikal*

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

###### (ii) *Sumber utama ketidakpastian anggaran*

Anggaran utama berkenaan masa hadapan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

###### Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 6 sehingga 10 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.



## LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

#### 2. Dasar-Dasar Perakaunan (Sambungan)

##### (j) Cukai

Cukai di dalam penyata kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah amaun cukai pendapatan yang dijangka perlu bayar berkenaan dengan keuntungan bercukai bagi tahun semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Peruntukan bagi cukai tertunda dibuat menggunakan kaedah liabiliti untuk semua perbezaan sementara di antara asas cukai aset-aset dan liabiliti-liabiliti dan amaun pembawanya di dalam penyata kewangan.

Liabiliti cukai tertunda adalah diambil kira ke atas semua perbezaan sementara yang dikenakan cukai. Aset cukai tertunda diambil kira ke atas semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai dan kredit cukai yang belum digunakan, setakat mana boleh digunakan ke atas perbezaan sementara yang boleh ditolak, iaitu terdiri daripada kerugian cukai dan kredit cukai yang belum digunakan.

##### (k) Manfaat pekerja

###### (i) *Manfaat jangka pendek*

Upah, gaji, insentif dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun tertentu, di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan. Ketidakhadiran diberi pampasan jangka pendek terkumpul seperti cuti tahunan berbayar, diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan keberhakkkan mereka kepada ketidakhadiran diberi pampasan masa hadapan, dan ketidakhadiran diberi pampasan jangka pendek bukan terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

###### (ii) *Pelan caruman wajib*

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan di dalam tempoh masa yang berkaitan dengannya.

## LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

#### 2. Dasar-Dasar Perakaunan (Sambungan)

##### (k) Manfaat pekerja (Sambungan)

##### *(iii) Manfaat Jangka Panjang Kakitangan*

###### Kakitangan Tetap

Bagi kakitangan tetap LAM yang membuat caruman KWSP akan mendapat ganjaran gantian cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunapakai oleh LAM.

Ganjaran gantian cuti rehat adalah dikira berdasarkan formula berikut:

$1/30 \times$  Bilangan hari cuti rehat yang dikumpulkan hingga maksimum sebanyak 180 hari  $\times$  gaji akhir yang diterima + imbuhan tetap akhir yang diterima

(tertakluk kepada had maksimum 180 hari).

Selain itu, pihak LAM akan menggunakan pekeliling-pekeliling berkaitan dengan manfaat atau ganjaran kepada kakitangan yang diluluskan oleh pihak pengurusan tertinggi LAM termasuk pekeliling-pekeliling perkhidmatan awam yang berkaitan dari semasa ke semasa.

##### *(iv) Peruntukan manfaat jangka pendek dan jangka panjang*

Peruntukan manfaat pekerja jangka pendek adalah bayaran GCR kepada kakitangan yang akan bersara secara paksa dalam tempoh satu tahun daripada tahun kewangan semasa. Manakala, manfaat jangka panjang pula adalah bayaran GCR yang melebihi 1 tahun.

#### (l) Maklumat Bajet

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akrual, maka satu Penyata Prestasi Bajet disediakan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus sahaja.

Jumlah bajet hanya dibentangkan bagi pihak LAM sahaja. Jumlah bajet ini telah diluluskan oleh Ahli Lembaga LAM.

## LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

#### 3. Pertimbangan Dan Anggaran Perakaunan Yang Ketara

Penyediaan penyata kewangan memerlukan LAM membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi amaun aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan dan pendedahan aset luar jangka dan liabiliti, di mana berkenaan. Di samping itu, LAM juga perlu membuat pertimbangan dalam proses menggunakan dasar perakaunan. Walaupun anggaran dan andaian ini berdasarkan pengetahuan terbaik, peristiwa-peristiwa dan tindakan, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut.

Tiada sebarang pertimbangan dan anggaran yang ketara yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan selain yang dinyatakan di bawah:

##### a) Rosot nilai aset kewangan belum terima

Kerugian rosot nilai diiktiraf apabila terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan adalah terjejas. Sekiranya terdapat bukti objektif rosot nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan pengalaman kerugian bagi aset dengan ciri risiko kredit yang serupa. Jika jangkaan berbeza dari anggaran, perbezaan ini akan memberi kesan kepada nilai dibawa aset kewangan belum terima.

##### b) Rosot nilai aset bukan kewangan

Apabila amaun boleh pulih aset ditentukan berdasarkan anggaran nilai dalam kegunaan bagi setiap unit janaan tunai yang mana aset diagihkan, LAM adalah diperlukan untuk membuat anggaran aliran tunai masa depan dijangka daripada unit janaan tunai dan juga untuk menggunakan kadar diskaun yang sesuai untuk menentukan nilai kini aliran tunai tersebut.

#### 4. Urus niaga pertukaran belum terima

	2023	2022
	RM	RM
Urus niaga pertukaran belum terima	63,052	1,384
Tolak : Elaun rosot nilai	-	-
	<u>63,052</u>	<u>1,384</u>
Tidak melebihi 30 hari dan tidak dirosot nilai	1,909	1,384
Antara 30 hingga 60 hari dan tidak dirosot nilai	-	-
Antara 60 hingga 90 hari dan tidak dirosot nilai	-	-
Melebihi 90 dan tidak dirosot nilai	61,143	-
	<u>63,052</u>	<u>1,384</u>
Tolak : Elaun rosot nilai	-	-
	<u>63,052</u>	<u>1,384</u>

**LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA**

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)**

**5. Lain-Lain Belum Terima**

	<b>2023</b>	<b>2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Faedah terakru pada simpanan tetap	210,581	130,745
Deposit	1,100	1,100
	<u>211,681</u>	<u>131,845</u>

**6. Simpanan Tetap di Institusi Kewangan Berlesen**

Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen adalah bagi tempoh simpanan di antara 6 hingga 12 bulan dan dengan kadar faedah 1.85 % - 3.40% (2022: 1.85 % - 3.00%).

**7. Hartanah, Loji dan Peralatan**

	<b>Peralatan Pejabat RM</b>	<b>Perabot dan Kelengkapan RM</b>	<b>Jumlah RM</b>
<b>Kos</b>			
Pada 1.1.2023	233,230	376,940	610,170
Tambahan	4,611	-	4,611
Pada 31.12.2023	<u>237,841</u>	<u>376,940</u>	<u>614,781</u>
<b>Susut nilai terkumpul</b>			
Pada 1.1.2023	106,197	322,316	428,513
Susut nilai bagi tahun kewangan	27,510	8,469	35,979
Pada 31.12.2023	<u>133,707</u>	<u>330,785</u>	<u>464,492</u>
<b>Nilai bawaan</b>			
Pada 31.12.2023	<u>104,134</u>	<u>46,155</u>	<u>150,289</u>
Pada 31.12.2022	<u>127,033</u>	<u>54,624</u>	<u>181,657</u>
<b>Susut nilai bagi tahun kewangan berakhir 31.12.2022</b>	<u>18,529</u>	<u>7,658</u>	<u>26,187</u>

## LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

#### 8. Aset tak ketara

	SPKB*	MyLam Portal*	Jumlah
	RM	RM	RM
<b>Kos</b>			
Pada 1.1.2023	338,299	-	338,299
Pindahan dari kerja dalam kemajuan	-	269,770	269,770
Pada 31.12.2023	<u>338,299</u>	<u>269,770</u>	<u>608,069</u>
<b>Pelunasan terkumpul</b>			
Pada 1.1.2023	-	-	-
Pelunasan tahun kewangan	67,660	53,954	121,614
Pada 31.12.2023	<u>67,660</u>	<u>53,954</u>	<u>121,614</u>
<b>Nilai bawaan</b>			
Pada 31.12.2023	<u>270,639</u>	<u>215,816</u>	<u>486,455</u>
Pada 31.12.2022	<u>338,299</u>	-	<u>338,299</u>
<b>Pelunasan bagi tahun kewangan berakhir 31.12.2022</b>	-	-	-

\* Sistem Perakaunan dan Kewangan Bersepadu (SPKB)

\* Laman Web dan Portal Lam (MyLamPortal)

#### 9. Kerja dalam Kemajuan

	2023	2022
	RM	RM
Baki awal pada 1 Januari	882,639	1,153,278
Tambahan dalam tahun	222,941	67,660
Pindahan ke aset tak ketara	(269,770)	(338,299)
Baki berakhir 31 Disember	<u>835,810</u>	<u>882,639</u>

Kerja dalam Kemajuan LAM:

#### LAM Stakeholder Fee Management System (SFMS)

Pindaan terhadap Kaedah-Kaedah Arkitek 1996 telah digazetkan dan mula berkuatkuasa pada 1 Oktober 2022. Walau bagaimanapun, LAM sedang mendapatkan tarikh bagi proses 'go live' sistem berkenaan dan perkara ini telah dimaklumkan kepada pihak PwC.

**LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA**

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)**

**10. Lain-Lain Belum Bayar**

	<b>2023</b>	<b>2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Deposit timbangtara	214,738	2,148,533
Akruan	177,407	289,678
	<u>392,145</u>	<u>2,438,211</u>

**11. Pendapatan tertunda**

	<b>2023</b>	<b>2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Baki awal pada 1 Januari	108,385	221,837
Diiktiraf sebagai hasil	-	(113,452)
Baki berakhir 31 Disember	<u>108,385</u>	<u>108,385</u>

**12. Manfaat Kakitangan**

	<b>2023</b>	<b>2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Baki awal pada 1 Januari	33,093	34,916
Tambahan dalam tahun	67,205	860
Bayaran dalam tahun	-	(2,683)
Baki berakhir 31 Disember	<u>100,298</u>	<u>33,093</u>
Dikategorikan sebagai:		
Liabiliti Semasa	49,956	-
Liabiliti Bukan Semasa	50,342	33,093
	<u>100,298</u>	<u>33,093</u>

**LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA**

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)**
**13. Yuran Keahlian**

	<b>2023</b>	<b>2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Yuran pendaftaran	422,575	189,050
Yuran pembaharuan	2,350,000	853,538
Yuran kemasukan semula	144,375	167,800
Yuran untuk kawasan operasi yang diluluskan	-	120
Yuran pemprosesan pendaftaran	121,550	81,300
Pendaftaran arkitek APEC	4,000	1,600
Pendaftaran arkitek ASEAN	2,400	1,800
Pendaftaran pensyarah asing	400	400
	<u>3,045,300</u>	<u>1,295,608</u>

**14. Pendapatan Dari Program/Seminar/Bengkel/Acara**

	<b>2023</b>	<b>2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pendapatan dari program/seminar/bengkel/acara	<u>-</u>	<u>58,700</u>

**15. Pendapatan Lain**

	<b>2023</b>	<b>2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Penerbitan	152,798	119,477
Peruncitan	475	3,521
Penganjur CPD	33,535	94,967
Yuran akreditasi/validasi (MAPSM)	436,043	369,875
Denda	25,000	30,000
Panel peperiksaan	672,300	712,600
Penyelidikan	-	65,000
	<u>1,320,151</u>	<u>1,395,440</u>

**LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA**

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)**

**16. Kos Kakitangan**

	<b>2023</b>	<b>2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Gaji	970,619	769,659
KWSP	122,679	98,952
PERKESO	14,785	11,113
Insentif	28,900	65,638
Insurans	18,932	18,049
Yuran perubatan	10,249	9,795
Lain-lain	67,205	4,977
	<u>1,233,369</u>	<u>978,183</u>

Bilangan kakitangan Lembaga Arkitek Malaysia tidak termasuk Ahli Lembaga pada akhir tahun kewangan adalah seramai 18 orang (2022: 16 orang).

**17. Emolumen dan Elaun Ahli Lembaga dan Lain-lain**

	<b>2023</b>	<b>2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Elaun mesyuarat Ahli Lembaga	23,750	24,400
Elaun mesyuarat & lain-lain (Jawatankuasa)	21,599	117,229
Honorarium presiden	18,600	14,400
Honorarium pendaftar	14,400	9,600
	<u>78,349</u>	<u>165,629</u>



## LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

#### 18. Perbelanjaan Operasi Lain

	2023	2022
	RM	RM
Pengiklanan	2,473	2,421
Yuran profesional	70,044	64,470
Caj bank	29,726	27,773
Yuran guaman	134,334	97,614
Surat ikatan penyelesaian ( <i>Deed of settlement</i> )	-	299,000
Akhbar dan terbitan	562	608
Pos	2,526	5,778
Percetakan dan alat tulis	90,431	60,606
Pembaikan dan pembaharuan	543	960
Perbelanjaan runcit	107,810	103,499
Pelbagai servis dan kos buruh	6,606	2,150
Perbelanjaan perjalanan (Ahli Lembaga)	-	3,416
Perbelanjaan perjalanan (kakitangan)	25,752	5,835
Caj telefon dan internet	14,890	15,224
Yuran carian	119	10
Yuran langganan	3,433	2,438
Pengkalan data LAM	77,642	107,841
Penyelenggaraan – peralatan pejabat	5,820	5,134
Penyelenggaraan – perabot	1,782	5,750
Penyelenggaraan – alatan lain-lain pelbagai	691	-
Perbelanjaan akreditasi/validasi	239,412	237,830
Perbelanjaan keraian pejabat/mesyurat	50,589	-
Penyimpanan	19,182	15,936
Perbelanjaan APEC Council	1,944	-
Perbelanjaan Asean CCS	60,914	39,792
Perbelanjaan projek khas	723,668	16,705
Perbelanjaan program/seminar/bengkel/acara	27,000	83,038
Perbelanjaan peperiksaan	382,130	409,045
	<u>2,080,023</u>	<u>1,612,873</u>

#### 19. Cukai

	2023	2022
	RM	RM
Cukai bagi tahun kewangan:		
- Peruntukan cukai bagi tahun kewangan	101,998	58,281
- Pengurangan peruntukan cukai tahun lalu	-	-
	<u>101,998</u>	<u>58,281</u>

## LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

#### 19. Cukai (Sambungan)

Cukai pendapatan Lembaga adalah dikira pada kadar berkanun 24% (2022: 24%) pada anggaran pendapatan cukai boleh ditaksir untuk tahun kewangan.

Penyesuaian bagi perbelanjaan cukai pendapatan yang dikenakan keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pada kadar cukai pendapatan efektif adalah seperti berikut:

	2023 RM	2022 RM
Hibah	3,720	3,583
Faedah untuk deposit tetap	421,273	239,254
	<u>424,993</u>	<u>242,837</u>
Cukai pada kadar berkanun 24% (2022: 24%)	101,998	58,281
Kurangan peruntukan cukai tahun lalu	-	-
Cukai bagi tahun kewangan	<u>101,998</u>	<u>58,281</u>

#### 20. Instrumen Kewangan

	2023 RM	2022 RM
<u>Aset kewangan</u>		
Urus niaga pertukaran belum terima	63,052	1,384
Lain-lain belum terima – deposit	1,100	1,100
Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen	14,983,516	13,127,761
Tunai di tangan dan di bank	2,210,304	4,721,001
	<u>17,257,972</u>	<u>17,851,246</u>
<u>Liabiliti kewangan</u>		
Urus niaga pertukaran belum bayar	1,716,679	1,602,328
Lain-lain belum bayar - deposit timbangtara	214,738	2,148,533
	<u>1,931,417</u>	<u>3,750,861</u>

#### 21. Komitmen Modal

	2023 RM	2022 RM
<u>Perbelanjaan modal diluluskan dan dikontrak</u> <u>untuk:</u>		
Aset tak ketara	<u>43,575</u>	<u>265,631</u>

## **LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA**

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)**

#### **22. Pengurusan Risiko Kewangan**

(i) Risiko Kredit

Akaun belum terima diawasi secara berterusan. Bagi wang tunai dan baki di bank dan simpanan tetap, LAM mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

(ii) Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai wajar atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan LAM akan berubah-ubah kerana perubahan dalam pasaran kadar faedah.

(iii) Risiko Kecairan

Risiko kecairan dan aliran tunai adalah risiko bahawa LAM akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. LAM mengurangkan risiko kecairan dengan mengikuti rancangan penerimaan dan perbelanjaan awal.

#### **23. Pembentangan Penyata Kewangan**

Penyata kewangan Lembaga Arkitek Malaysia berakhir 31 Disember 2023 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Ahli Lembaga melalui resolusi bertarikh 28 Jun 2024.

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA



# MAKLUMAT LAIN YANG BERKAITAN

OTHER RELATED  
INFORMATION



20  
23

# A K T I V I T I D A N P R O G R A M L A M

## 103rd ASEAN Coordinating Committee On Services (CCS)



103rd ASEAN Coordinating Committee on Services (CCS), diadakan pada 21 - 24 Februari 2023 bertempat di Jakarta, Indonesia. Mesyuarat tersebut melibatkan beberapa mesyuarat berikut:

- The ASEAN Architect Education Committee (AAEC) Meeting
- The ASEAN Architect Council (AAC)
- Meeting of Business Services Sectoral Working Group (BSSWG)

## Bengkel Penyediaan Standard Akreditasi Bagi Program Diploma Senibina & Sijil Teknologi Senibina

Bengkel tersebut diadakan pada 4 - 5 Mac 2023 bertempat di Mercure Kuala Lumpur, Glenmarie Shah Alam. Bengkel ini bertujuan untuk membangunkan serta memperhalusi piawaian akreditasi bagi program, sejajar dengan amalan industri serta keperluan akademik semasa.



## ARCHIDEX 2023



ARCHIDEX 2023 berlangsung pada 26 - 29 Juli 2023 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Dengan pelbagai seminar, forum, dan sesi rangkaian, ARCHIDEX 2023 menjadi pusat tumpuan bagi mereka yang ingin meneroka peluang perniagaan, berkongsi pengetahuan, dan berkolaborasi dalam membentuk landskap industri binaan yang lebih mampan dan kreatif.

## 4th ASEAN Architect Congress



Diadakan pada 26 - 29 Julai 2023 di Makassar, Indonesia. LAM diwakili oleh Datin Ar. Yong Razidah Rashid (Presiden) dan Ar. Mustapha Mohd Salleh sebagai salah seorang pembentang.

## REKA Interiors Exhibition (RIX 2023)

REKA Interiors Exhibition (RIX 2023) adalah pameran utama yang memfokuskan kepada reka bentuk dalaman dan inovasi dalam industri hiasan dalaman, dianjurkan oleh Persatuan Pereka Dalaman Malaysia (MIID). Diadakan di Kuala Lumpur, acara ini mempertemukan pakar reka bentuk dalaman, profesional industri, pereka, arkitek, serta pelbagai syarikat dan jenama terkenal.




## Bengkel Sidang Editor LAM Policy And Procedures For Accreditation Of Architecture Programme (PAAP)



Bengkel yang diadakan pada 18 - 19 November 2023 bertujuan untuk menyemak dan memperkemas polisi serta prosedur akreditasi bagi program senibina, selaras dengan perkembangan semasa dalam pendidikan senibina dan keperluan profesional.

# NOTIS MAKLUMAN LAM

Pada tahun 2023, Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) telah mengeluarkan beberapa Notis Pemakluman kepada ahli-ahli berdaftar, antaranya:



**LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA**  
 Tingkat 17, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur  
 Peti Surat 12695, 50786 Kuala Lumpur  
 Tel : 03-26982878/26107087 Faks : 03-26936881  
 E-mel : info@lam.gov.my Web : www.lam.gov.my

**PEKELILING AM BIL. 1/2023**

**PINDAAN KEPADA KAEDAH-KAEDAH ARKITEK 1996**

Pekeliling Am ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua ahli berdaftar bahawa Kaedah-Kaedah Arkitek 1996 telah dipinda. Pindaan tersebut telah diwartakan dan mula berkuatkuasa pada 1 Oktober 2022.


Pindaan-pindaan utama Kaedah-Kaedah Arkitek 1996 adalah seperti berikut :

1. Kaedah 11  
**Akaun bank.** : Semua bayaran yang diterima hendaklah didepositkan ke dalam kredit akaun Lembaga dengan bank yang diluluskan oleh Lembaga  
  
 Dengan syarat bahawa Setiausaha boleh menyimpan sebagai wang runcit sejumlah wang tidak melebihi lima ribu ringgit.
2. Kaedah 16  
**Tahun kewangan.** : Tahun kewangan Lembaga akan berakhir pada 31 haribulan Disember
3. Kaedah 16A  
**Fi.** : (1) Fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian Dua Jadual Pertama yang kena dibayar kepada Lembaga hendaklah dibayar dalam bentuk kiriman wang, draf bank, cek, pemindahan wang secara elektronik atau apa-apa bentuk yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.  
  
 (2) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, mengurangkan sebahagian atau keseluruhan fi yang ditetapkan dalam Bahagian Dua Jadual Pertama sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Lembaga.

Pekeliling Am Bil.1/2023 | 1

## a. PINDAAN KEPADA KAEDAH-KAEDAH ARKITEK 1996

Pekeliling Am ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua ahli berdaftar bahawa Kaedah-Kaedah Arkitek 1996 telah dipinda. Pindaan tersebut telah diwartakan dan mula berkuatkuasa pada 1 Oktober 2022.



**LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA**  
 Tingkat 17, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin  
 50582 Kuala Lumpur  
 Peti Surat 12695, 50786 Kuala Lumpur  
 Tel : 03-26982878/26107087 Faks : 03-26936881  
 E-mel : info@lam.gov.my Web : www.lam.gov.my

**PEKELILING AM BIL. 2/2023**

**GARISPANDUAN MENGENAI PRAKTIS PERUNDINGAN SENI BINA**

1. Pekeliling Am ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Arkitek berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia (Lembaga) bahawa Kaedah 30A(3) telah diliputi di bawah pindaan Kaedah-Kaedah Arkitek 1996 yang telah diwartakan dan mula berkuatkuasa pada 1 Oktober 2022.  
  

**"(3) Dalam hal suatu perubahan perbadanan yang didaftarkan sebagai praktis perundingan seni bina yang mempunyai pengarah tunggal, pengarah itu hendaklah merupakan seorang Arkitek."**
2. Kaedah 30A(3) diperkenalkan bagi membenarkan praktis perubahan perbadanan dengan pengarah tunggal. **Seorang Arkitek dibenarkan untuk menjalankan kedua-dua praktis ketuanpunyaan tunggal dan praktis perubahan perbadanan dengan pengarah tunggal dalam satu-satu masa.**
3. **JENIS PRAKTIS YANG DIBENARKAN**  
 Dengan pindaan tersebut, secara ringkas berikut adalah jenis praktis yang dibenarkan bagi seseorang Arkitek.
  - 3.1 Ketuanpunyaan Tunggal
  - 3.2 Perkongsian
  - 3.3 Perubahan Perbadanan (Pengarah Tunggal atau Beberapa Pengarah)
  - 3.4 Perubahan Perbadanan Pelbagai Disiplin

Pekeliling Am Bil. 2/2023 | 1


## b. GARISPANDUAN MENGENAI PRAKTIS PERUNDINGAN SENI BINA

Pekeliling Am ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Arkitek berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia (Lembaga) bahawa Kaedah 30A(3) telah diliputi di bawah pindaan Kaedah-Kaedah Arkitek 1996 yang telah diwartakan dan mula berkuatkuasa pada 1 Oktober 2022.





## NOTIS MAKLUMAN LAM



**LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA**  
(Board of Architects Malaysia)  
Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR  
Jalan Sultan Salahuddin  
50582 Kuala Lumpur

Tel: 603 26982878  
603 26107087  
Fax: 603 26936881  
Email: info@lam.gov.my  
Web: www.lam.gov.my

---

**NOTIS PEMBERITAHUAN**

**KEPERLUAN MENGUMPUL MATA KREDIT  
'CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT' (CPD)  
BAGI PEREKABENTUK DALAMAN DAN GRADUAN PEREKABENTUK DALAMAN  
BAGI TUJUAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN TAHUN 2024**


Adalah dimaklumkan bahawa semua ahli Perekabentuk Dalaman dan Graduan Perekabentuk Dalaman dikehendaki mengumpul mata kredit CPD bagi tujuan Pembaharuan Pendaftaran Tahun 2024.

Memandangkan ia adalah kali pertama dilaksanakan, semua mata kredit CPD daripada program yang telah dihadiri dan diluluskan oleh Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) sepanjang tahun 2022 dan 2023 boleh diambil. Jumlah mata kredit CPD yang perlu dikumpul bagi Pembaharuan Pendaftaran Tahun 2024 melalui MyLAM Portal adalah seperti berikut:


Kategori	Jumlah Mata Kredit CPD
Perekabentuk Dalaman	4
Graduan Perekabentuk Dalaman	2

Notis ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 2023. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada LAM melalui emel [registration@lam.gov.my](mailto:registration@lam.gov.my) atau di talian 03-26982878.

Dengan Perintah Lembaga Arkitek Malaysia,

  
 (Ar. ABD SHUKOR BIN ISMAIL)  
 Pendaftar  
 Lembaga Arkitek Malaysia

19 Jun 2023



**IBU PEJABAT  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**  
Fire And Rescue Department of Malaysia  
Lubuh Nivassan, Presint 7  
62250 Putrajaya  
MALAYSIA

Tel: 603-8922 7000  
Faks : 603-892797778  
Portal Rasmi : www.bomba.gov.my  
E-mel : bakipgm@bomba.gov.my

Ruj. Tuan:  
Ruj. Kami: JBPM/JP/BKK-700-2/B/1 Jld. 12 ( 7 )  
Tarikh : 30 Jun 2023

---

**SENARAI EDARAN**

YS Dato'/Datu/Tuan,

**PENGGUNAAN BAHAN BINAAN IBS 'HOLLOW CORE SLAB' DALAM INDUSTRI  
PEMBINAAN DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.


- Sukacita dimaklumkan bahawa mutakhir ini Jabatan banyak menerima permohonan kelulusan pelan-pelan bangunan daripada pihak *Prinsipal Submitting Person* (PSP) yang menggunakan *hollow core slab* untuk sistem kemas lantai (floor system). *Hollow core slab* ini adalah salah satu bahan binaan *Industrial Building System* (IBS) jenis sistem konkrit pra-tuang yang sedang dipapakai dalam industri pembinaan di negara ini.
- Justeru itu, pihak YS Dato'/Datu/Tuan diingatkan supaya memastikan bahan-bahan binaan sistem kemas lantai (floor system) dan lain-lain sistem Pemasangan Keselamatan Kebakaran (PKK) mempunyai Sijil Pemasangan Keselamatan Kebakaran yang dikeluarkan oleh Jabatan. Selain daripada itu, bahan-bahan tersebut hendaklah mendapat pengesahan pengeluaran (C1), pembekalan (C2) dan pengawasan pemasangan (C3) PKK. Ini adalah penting bagi mengelakkan berlakunya ketidakseragaman kelulusan pelan bangunan, sokongan perakuan siap dan pematuan (CCC) dan sokongan permit menduduki (OP) di antara negeri-negeri.
- Kerjasama dan perhatian YS Dato'/Datu/Tuan mengenai perkara ini amatlah dihargai dan diakhiri dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**


**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**


Saya yang menjalankan amanah,


  
 (DATU' ABDUL WAHAB BIN HJ. MAT YASIN)  
 Ketua Pengarah  
 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

---

**"CEPAT DAN MESRA"**

  
CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. 098 02181

  
CERTIFIED TO ISO 37001:2016  
CERT. NO. 098 02181

  
PENANGGUNG JAWAB  
ENKAS AIGIA 2022

**e. KEPERLUAN MENGUMPUL MATA KREDIT 'CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT' (CPD) BAGI PEREKABENTUK DALAMAN DAN GRADUAN PEREKABENTUK DALAMAN BAGI TUJUAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN TAHUN 2024**

Makluman bahawa semua ahli Perekabentuk Dalaman dan Graduan Perekabentuk Dalaman dikehendaki mengumpul mata kredit CPD bagi tujuan Pembaharuan Pendaftaran Tahun 2024.

**f. PENGGUNAAN BAHAN BINAAN IBS HOLLOW CORE SLAB DALAM INDUSTRI PEMBINAAN DI MALAYSIA**

Makluman bahawa mutakhir di Jabatan banyak menerima permohonan kelulusan pelan-pelan bangunan daripada pihak Prinsipal Submitting Person (PSP) yang menggunakan hollow core slab untuk sistem kemas lantai (floor system).

# NOTIS MAKLUMAN LAM



**LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA**

(Board of Architects Malaysia) Tel: 603 26982878  
 Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR 603 26107087  
 Jalan Sultan Salahuddin Fax: 603 26936881  
 50582 Kuala Lumpur Email: info@lam.gov.my  
 Web: www.lam.gov.my

**NOTIS PEMBERITAHUAN**

**PEPERIKSAAN REKABENTUK DALAMAN  
 INTERIOR DESIGN LICENSURE EXAM (IDLE)**

Adalah dimaklumkan bahawa Peperiksaan *Interior Design Licensure Exam (IDLE)* akan diadakan pada Mac 2024. Pemohon yang berhasrat untuk menduduki Peperiksaan ini hendaklah berdaftar sebagai Perakabentuk Dalaman Graduan dengan Lembaga Arkitek Malaysia terlebih dahulu.

Permohonan bagi menduduki Periksaan ini hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada **2 Februari 2024**. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Handbook Interior Design Licensure Exam*. Sebarang pertanyaan, boleh dikemukakan kepada LAM melalui [acc@lam.gov.my](mailto:acc@lam.gov.my) atau di talian 03-26982878.

Dengan perintah Lembaga Arkitek Malaysia

  
 (Azahd SHUKOR BIN ISMAIL)  
 Pendaftar  
 Lembaga Arkitek Malaysia

18 Ogos 2023



**LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA**

Tingkat 17, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur  
 Peti Surat 12695, 50786 Kuala Lumpur

Tel : 03-26982878/26107087 Faks : 03-26936881  
 E-mel : info@lam.gov.my Web : www.lam.gov.my

**GENERAL CIRCULAR NO. 3/2023**

**GUIDELINES ON LETTER OF RELEASE**

1. This General Circular replaces the current General Circular No. 2/2007 pertaining to the above Guidelines.
2. An Architect on being approached or instructed to proceed with professional work for which he knows or can ascertain by making reasonable enquiries that another Architect has been engaged by the client who is the registered proprietor <sup>(Note 1)</sup> and/or his bona-fide agent <sup>(Note 2)</sup> of the site or part of the site concerned to provide the full basic services or any part thereof as provided in the Architects (Scale of Minimum Fees) Rules 2010 shall, before proceeding with such work, communicate in writing with that Architect and obtain a "Letter of Release" from the Architect or obtain such letter through his prospective client, provided that this requirement may be waived at the discretion of the Board.  
  
(Note 1 : "registered proprietor" shall include individuals, group of individuals, trustees, agencies, statutory organisations, corporations or any other legal entity whose name(s) and/or legal identity is endorsed on the title of the land or any other instrument which provides legal ownership to the land.)  
  
(Note 2 : "bona fide agent" shall mean individuals, group of individuals, trustees, agencies, statutory organisations, corporations or any other legal entity which has been empowered by the "registered proprietor" to represent him in relation to the development of the land.)
3. The words "has been engaged" referred to in paragraph 2 above is as defined under paragraph 7 of the Conditions of Engagement of an Architect under the Third Schedule (Part One) of the Architects Rules 1996 as follows :  
  
\*7(1) An Architect shall obtain the written agreement of the client in respect of his remuneration for architectural consultancy services to be provided by him pursuant to subparagraph 1(1) <sup>(Note 2)</sup> within sixty days from the date the notification regarding such remuneration is duly served on the client;

General Circular No.3/2023 | 1


**g. PEPERIKSAAN REKABENTUK DALAMAN INTERIOR DESIGN LICENSURE EXAM (IDLE)**

Makluman bahawa Peperiksaan Interior Design Licensure Exam (IDLE) akan diadakan pada Mac 2024. Permohonan bagi menduduki Periksaan ini hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada 2 Februari 2024.

**h. PEKELILING AM NO. 3-2023 - GARIS PANDUAN MENGENAI SURAT PELEPASAN**

Makluman berkenaan Garis Panduan Mengenai Surat Pelepasan.

# NOTIS MAKLUMAN LAM



**LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA**  
(Board of Architects Malaysia)  
Tingkat 17, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur  
Peti Surat 12695, 50786 Kuala Lumpur

Tel : 03-26982878/26107087 Faks : 03-26936881  
E-mel : info@lam.gov.my Web : www.lam.gov.my

**PEKELILING AM BIL. 4/2023**

**GARISPANDUAN MENGENAI  
PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN**  
bagi Arkitek, Arkitek Siswazah, Pelukis Pelan Bangunan Berdaftar,  
Perekabentuk Dalam, Perekabentuk Dalam Siswazah,  
Pemeriksa Tapak dan Teknologis Senibina

**1.0 PERMULAAN**

Pembangunan Profesional Berterusan (*Continuing Professional Development - CPD*) ialah proses pembelajaran sepanjang hayat bagi mengekalkan atau meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ahli yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia yang terdiri daripada Arkitek, Arkitek Siswazah, Pelukis Pelan Bangunan Berdaftar, Perekabentuk Dalam, Perekabentuk Dalam Siswazah, Pemeriksa Tapak dan Teknologis Senibina untuk memastikan pengetahuan dan kemahiran profesional teknikal mereka dapat memberi perkhidmatan yang relevan mengikut keperluan masyarakat.

Kod Tatakelakuan yang berkaitan di bawah Kaedah-Kaedah Arkitek 1996 mengenakan tanggungjawab kepada ahli yang berdaftar untuk melaksanakan kemahiran dan ketelitian yang munasabah yang diterima oleh profesion. Bagi keperluan ini, Lembaga menetapkan keperluan memperoleh CPD ke atas ahli yang berdaftar sebagai tanggungjawab setiap individu.

**2.0 TAFSIRAN**

Untuk tujuan garis panduan mengenai CPD, tafsiran-tafsiran adalah seperti di bawah : -

'**diluluskan**' ertinya diluluskan oleh Lembaga Arkitek Malaysia;


'**Lembaga**' ertinya Board of Architects Malaysia/Lembaga Arkitek Malaysia;

**CPD** bermaksud pembangunan profesional berterusan;

'**Mata kredit CPD**' bermaksud bilangan mata kredit yang boleh diluluskan oleh Lembaga untuk acara;

'**Acara CPD**' bermaksud aktiviti yang boleh diluluskan oleh Lembaga yang layak untuk titik kredit CPD;

Pekeliling Am Bil. 4/2023, Garispanduan CPD disemak 1 Oktober 2023 1 / 9



**CIDB**  
MALAYSIA

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia  
Ibu Pejabat  
Tingkat 15, Menara Data One,  
Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur,  
No 45, Jalan Tye Inani, 50480 Kuala Lumpur  
Tel: 603-4047 7000 Fax: 603-4047 7019  
E : www.cidb.gov.my

No. Ruj : LPIPM:SPT/BSB/10/1/2 ( 9 )  
Tarikh : 2hb. November 2023

Kepada:

**YANG BERKENAAN**

Tuan/Puan,

**PENGUATKUASAAN JADUAL KEEMPAT AKTA 520 CIDB**  
- Pelaksanaan Pematuhan Bagi Standard MS 1017:2022 Aluminium framed sliding glass doors – Specification (Second revision) dan MS 832:2022 Aluminium Alloy Windows – Specification (Second revision)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, melalui surat CIDB No. Rujukan: LPIPM: SPT/BSB/01/3/3 Kil.2 (1) bertarikh 1 Mac 2023 telah menetapkan tarikh penguatkuasaan bagi peralihan kepada standard terkini iaitu MS 832:2022 dan MS 1017:2023 ialah pada **1 September 2023**.

3. Lanjutan itu, CIDB telah menerima beberapa maklumbalas daripada pihak industri mengenai pelaksanaan penguatkuasaan standard-standard tersebut. Sehubungan dengan itu, satu mesyuarat telah diadakan pada 31 Oktober 2023 yang lepas bersama-sama dengan pihak industri bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan. Hasil mesyuarat tersebut berselaku:

a) tarikh 1 September 2023 adalah merujuk kepada tarikh bagi projek yang telah di *award* pada atau selepas 1 September 2023;

b) tarikh projek yang di *award* merujuk tarikh *letter of award (LA)* yang diberikan oleh pihak klien kepada kontraktor utama (*main contractor*); dan

c) penandaan (*marking*) kepada produk tersebut perlu mematuhi semua keperluan standard dengan **penambahan maklumat** iaitu Nombor Pendaftaran Perakuan Pematuhan Standard (PPS).


## i. PEKELILING AM BIL.4/2023 - GARISPANDUAN MENGENAI PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN

Makluman berkenaan Garis panduan mengenai pembangunan profesional berterusan.

## j. PENGUATKUASAAN JADUAL KEEMPAT AKTA 520 CIDB - PEMAKLUMAN PENGUATKUASAAN STANDARD MS 1017:2022 DAN MS 832:2022

Pemakluman Penguatkuasaan Standard MS 1017:2022 dan MS 832:2022.

# NOTIS MAKLUMAN LAM



## **K. PENGEMUKAAN PELAN-PELAN OLEH PELUKIS PELAN BERDAFTAR SELARAS AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 (AKTA 133) DAN AKTA ARKITEK 1967 (AKTA 117)**

Makluman pengemukaan pelan-pelan oleh Pelukis Pelan Berdaftar selaras Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Akta Arkitek 1967 (Akta 117).

# STATISTIK

## KEDUDUKAN PENDAFTARAN AKTIF SETAKAT DISEMBER 2023





20  
23

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA  
TINGKAT 17, BLOK F, IBU PEJABAT JKR  
JALAN SULTAN SALAHUDDIN  
50582 KUALA LUMPUR

T : 603 2698 2878  
F : 603 2693 6881  
E : [info@lam.gov.my](mailto:info@lam.gov.my)  
W : [www.lam.gov.my](http://www.lam.gov.my)